



# **PANDUAN PENGECUALIAN DARIPADA PENDAFTARAN DI BAWAH AKTA CUKAI JUALAN 2018**

Diterbitkan oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN) Putrajaya**

**5 Februari 2024**

## Penerbitan

Tarikh: 5 Februari 2024

## Notis Hakcipta

Hak Cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

## Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

## **KANDUNGAN**

<b>1. PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
<b>2. PENGECUALIAN DARIPADA PENDAFTARAN .....</b>	<b>1</b>
<b>3. OPERASI PENGILANGAN YANG DIKECUALIKAN DI BAWAH PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGECUALIAN DARIPADA PENDAFTARAN) 2018 .....</b>	<b>3</b>
<b>4. PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGECUALIAN DARIPADA PENDAFTARAN) 2023.....</b>	<b>21</b>

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti pengilangan barang bercukai dan jumlah nilai jualan barang bercukai tersebut melebihi RM500,000.00 dalam tempoh 12 bulan adalah bertanggungan untuk berdaftar di bawah seksyen 12, Akta Cukai Jualan 2018.
- 1.2 Walau bagaimanapun, orang tersebut layak dikecualikan daripada pendaftaran di bawah subseksyen 20(1), Akta Cukai Jualan 2018 sekiranya menjalankan hanya salah satu operasi pengilangan yang dinyatakan dalam Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pendaftaran) 2018 tanpa mengambil kira jumlah nilai jualan barang bercukai dalam tempoh 12 bulan.
- 1.3 Panduan ini disediakan untuk membantu industri dalam mengenal pasti operasi pengilangan yang dikecualikan daripada pendaftaran seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 20(1), Akta Cukai Jualan 2018.

## 2. PENGECUALIAN DARIPADA PENDAFTARAN

- 2.1 Subseksyen 20(1), Akta Cukai Jualan 2018 memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana pengilang daripada pendaftaran melalui Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pendaftaran) 2018.
- 2.2 Terdapat 16 operasi pengilangan yang diberi pengecualian daripada pendaftaran di bawah Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pendaftaran) 2018. Setiap satu operasi pengilangan tersebut, melibatkan beberapa aktiviti bagi menghasilkan barang siap.
- 2.3 Mana-mana orang yang menjalankan **hanya satu operasi pengilangan** di bawah Jadual A dalam **satu rantaian pengilangan** bagi menghasilkan suatu barang **layak dikecualikan daripada pendaftaran**. (rujuk Rajah 1)




**Rajah 1:** Kilang ABC layak dikecualikan daripada pendaftaran kerana hanya menjalankan satu operasi sahaja dalam menyiapkan barang siap A.

- 2.4 Mana-mana orang yang menjalankan **lebih daripada satu operasi pengilangan** di bawah Jadual A dalam **satu rantaian pengilangan** bagi menghasilkan suatu barang **tidak layak dikecualikan daripada pendaftaran**. (rujuk Rajah 2)



**Rajah 2:** Kilang DEF tidak layak diberi pengecualian daripada pendaftaran kerana menjalankan lebih daripada satu operasi pengilangan dalam menyiapkan barang siap A.

- 2.5 Mana-mana orang yang menjalankan lebih dari satu operasi pengilangan yang dinyatakan di bawah Jadual A dan **operasi tersebut tidak berhubung kait** dalam mengilangkan suatu barang, orang itu **layak dikecualikan daripada pendaftaran**. (rujuk Rajah 3)



**Rajah 3:** Kilang GHA layak dikecualikan daripada pendaftaran kerana pegilangan barangsiap tersebut melibatkan dua operasi yang tidak berhubung kait.

### **3. OPERASI PENGILANGAN YANG DIKECUALIKAN DI BAWAH PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGECUALIAN DARIPADA PENDAFTARAN) 2018**

3.1 Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pendaftaran) 2018 menyenaraikan 16 operasi pengilangan yang diberi pengecualian daripada pendaftaran iaitu:

3.1.1 **Operasi 1** – Mencuci, mencetak gambar, mengeluar slaid filem atau apa-apa bentuk format atau kombinasi mana-mana aktiviti tersebut.

3.1.1.1 Pengecualian daripada pendaftaran diberikan kepada mana-mana orang yang menjalankan aktiviti seperti berikut:

- (a) Mencuci filem dan mencetak gambar daripada slaid filem tersebut;
- (b) Mencetak gambar melalui kad memori, emel, *bluetooth*, *pen drive*, *hard disk*, *polaroid* atau apa-apa penggunaan alat digital / elektronik; atau
- (c) Menyalin gambar yang diambil ke dalam cakera padat / *pen drive*, *hard disk* atau apa-apa penggunaan alat digital / elektronik.

#### **Contoh 1:**

Sally Sdn. Bhd. menjalankan perniagaan kedai gambar. Aktiviti perniagaan syarikat meliputi perkhidmatan mencuci dan mencetak gambar di atas kertas foto. Gambar-gambar yang telah diproses akan disimpan dalam cakera padat. Sally Sdn. Bhd. **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan di bawah Jadual A dalam satu rantai pengilangan.

#### **Contoh 2:**

Asniza Sdn. Bhd. menjalankan perniagaan mencetak di atas *bunting*, *banner* dan album gambar. *Bunting*, *banner* dan album gambar yang ditempah oleh pelanggan akan melalui proses mencetak dan memotong untuk menghasilkan album gambar tersebut. Asniza Sdn. Bhd. **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana

syarikat menjalankan lebih daripada satu aktiviti dalam operasi pengilangan yang dinyatakan di bawah Jadual A iaitu mencetak di bawah butiran 1 dan memotong di bawah butiran 11 dalam menyiapkan barang siap tersebut.

**Contoh 3:**

Nisa dan keluarga mencetak gambar dari telefon bimbit dengan cara *bluetooth* di kiosk gambar layan diri yang terletak di Pasar Raya Alaman. Kiosk gambar layan diri **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana operasi kiosk tersebut melibatkan hanya satu operasi pengilangan di bawah Jadual A dalam satu rantai pengilangan.

**3.1.2 Operasi 2** – Mengukir, mencetak, melukis, menulis, mengukir timbul atau apa-apa aktiviti lain seumpamanya pada barang bercukai dengan perihalan yang berhubungan dengan rekod sukan atau hal keadaan lain barang bercukai itu didermakan atau dianugerahkan.

**3.1.2.1** Pendaftaran adalah dikecualikan kepada mana-mana orang yang menjalankan aktiviti mengukir, mencetak, melukis, menulis, mengukir timbul (*engrave*) atau apa-apa aktiviti lain seumpamanya ke atas barang bercukai atas tujuan berikut:

- (a) untuk rekod sukan (contoh: gelaran Johan atau Naib Johan, nama acara atau pertandingan sukan dan lain-lain);
- (b) untuk didermakan seperti cenderamata; atau
- (c) untuk dianugerahkan seperti Pekerja Cemerlang, Juara Lagu dan lain-lain.

**3.1.2.2** Barang seperti plak, piala, medal, cawan dan lain-lain itu yang diukir, dicetak, dilukis, ditulis atau diukir timbul **bukan dikilangkan sendiri oleh syarikat tersebut**.

**Contoh 1:**

Kedai Cenderamata Anisah menyediakan perkhidmatan mengukir dan mencetak pada piala dan plak yang sedia ada. Syarikat menerima tempahan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil untuk membuat cetakan di atas piala bagi tujuan Perlawanan Bola Sepak

dan Acara Sukan Tahunan Sekolah. Kedai Cenderamata Anisah **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan di bawah Jadual A dalam satu rantaian pengilangan.

**Contoh 2:**

Syarikat Cenderamata Ehsan merupakan pengilang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018 menjalankan aktiviti pengilangan piala, plak dan cenderamata. Syarikat juga menjalankan aktiviti mencetak dan mengukir (operasi 2) mengikut kriteria yang ditentukan oleh pelanggan. Sungguhpun Syarikat Cenderamata Ehsan menjalankan aktiviti mencetak dan mengukir yang dikecualikan di bawah operasi ini, syarikat **tidak lagi layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana syarikat merupakan pengilang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018.

**Contoh 3:**

Kedai Cenderamata Putra menyediakan perkhidmatan mencetak pada barang seperti cawan, pen, buku dan lain-lain untuk dijadikan sebagai cenderamata. Kedai Cenderamata Putra **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan di bawah Jadual A dalam satu rantaian pengilangan.

### 3.1.3 Operasi 3 - Pengilangan konkrit siap campur

- 3.1.3.1 Pendaftaran adalah dikecualikan kepada mana-mana orang yang menjalankan operasi pengilangan bagi menghasilkan konkrit siap campur.
- 3.1.3.2 Konkrit siap campur merupakan barang yang terhasil daripada campuran batu, habuk batu atau pasir, simen, bahan kimia dan air mengikut kadar campuran yang tertentu.

**Contoh 1:**

Syarikat Kamal Sdn Bhd merupakan kontraktor pembinaan. Beliau mendapat kontrak untuk membina rumah. Bagi menyiapkan pembinaan rumah tersebut, beliau perlu membuat banchuan konkrit (mengilang) menggunakan mesin pengadun konkrit di kawasan pembinaannya. Syarikat Kamal Sdn Bhd **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan

hanya satu operasi pengilangan di bawah Jadual A dalam satu rantaian pengilangan.

**Contoh 2:**

Encik Ah Lim merupakan pengilang konkrit siap campur. Beliau menerima tempahan konkrit siap campur (ready mixed concrete) daripada Syarikat Kamal Sdn Bhd. Encik Ah Lim menghantar konkrit siap campur dengan menggunakan trak pengadun konkrit ke tapak pembinaan. Encik Ah Lim **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan di bawah Jadual A dalam satu rantaian pengilangan.

**Contoh 3:**

ABC Concrete Sdn. Bhd. mengilang konkrit siap campur dan *prefabricated concrete*. Sungguhpun ABC Concrete Sdn Bhd menjalankan aktiviti mencampurkan bahan konkrit siap campur yang dikecualikan di bawah operasi ini, syarikat **tidak lagi layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana syarikat juga mengilang barang bercukai iaitu *prefabricated concrete*. Syarikat menjalankan lebih daripada satu operasi pengilangan di bawah Jadual A dalam satu rantaian pengilangan.

**3.1.4 Operasi 4 - Penyediaan makanan atau minuman oleh—**

- (i) mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan di bawah Kumpulan B, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 [P.U.(A) 214/2018]; atau
- (ii) dapur berpusat untuk pengedaran ke premisnya yang menyediakan perkhidmatan di bawah Kumpulan B, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 [P.U.(A) 214/2018].

**3.1.4.1** Para 3.1.4 (i) adalah merujuk kepada mana-mana orang yang menyediakan makanan atau minuman dan mempunyai ciri-ciri sesebuah restoran di mana pelanggan boleh memesan makanan atau minuman mengikut cita rasa pelanggan.


Contoh :

Restoran, bar, snek bar, kantin, kedai kopi dan lain-lain.  
**(Rujuk: Panduan Makanan dan Minuman di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018)**

**3.1.4.2** Para 3.1.4 (ii) merujuk kepada dapur berpusat yang layak


dikecualikan daripada pendaftaran adalah seperti berikut—

- (i) Dapur berpusat yang menyediakan makanan atau minuman separa masak atau sedia untuk dimakan (ready to eat) bagi sesebuah restoran; dan
- (ii) Makanan atau minuman yang disediakan oleh dapur berpusat tersebut hendaklah diedarkan ke restoran di bawah nombor pendaftaran syarikat (SSM) yang sama.



**Rajah 4:** Dapur berpusat DP(A) yang membekalkan makanan atau minuman kepada restoran yang mempunyai nombor pendaftaran syarikat (SSM) yang sama.

Dapur berpusat DP(A) menyediakan makanan atau minuman kepada restoran A1 dan A2 yang mempunyai nombor pendaftaran syarikat yang sama dengan DP(A). Oleh itu, DP(A) **layak** dikecualikan daripada pendaftaran. (rujuk Rajah 4)



**Rajah 5:** Dapur berpusat DP(A) yang membekalkan makanan atau minuman kepada restoran yang mempunyai nombor pendaftaran syarikat (SSM) yang tidak sama.

Dapur berpusat DP(A) menyediakan makanan atau minuman kepada restoran A yang mempunyai nombor pendaftaran syarikat yang sama dan restoran B yang mempunyai nombor pendaftaran syarikat yang tidak

sama dengan DP(A). Oleh itu, DP(A) **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran.  
(rujuk Rajah 5)

#### **Contoh 1:**

Saufee Tomyam menjual makanan yang dimasak sendiri di restorannya. Selain itu, Saufee Tomyam juga menjual kuih-muih yang dibuat oleh orang lain untuk diletakkan di restorannya. Saufee Tomyam **layak** dikecualikan daripada pendaftaran cukai jualan kerana menjalankan operasi 4(i) iaitu menyediakan perkhidmatan di bawah Kumpulan B, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

#### **Contoh 2:**

Restoran Makanan Arab Waheedah menyediakan dan membekalkan pes nasi arab yang dibuat di dapur berpusatnya. Kesemua pes nasi arab tersebut dihantar ke restoran cawangan miliknya sahaja untuk digunakan dalam penyediaan makanan. Restoran Makanan Arab Waheedah **layak** dikecualikan daripada pendaftaran cukai jualan.

#### **Contoh 3:**

Setelah setahun beroperasi, Restoran Makanan Arab Waheedah mengembangkan operasi perniagaannya dengan menjual pes nasi arab dalam bungkuskan kecil untuk dijual di restorannya dan di pasaraya yang mempunyai nombor pendaftaran syarikat yang tidak sama. Restoran Makanan Arab Waheedah **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran cukai jualan kerana pes nasi arab tersebut bukan hanya dibekalkan untuk digunakan sendiri dalam penyediaan makanan dipremisnya sahaja tetapi pes tersebut juga dijual kepada pasaraya yang mempunyai nombor pendaftaran syarikat yang tidak sama.

### **3.1.5 Operasi 5 - Penyediaan logam tar, penapisan tar dan penyediaan campuran bitumen dan logam panas untuk pembinaan jalan.**

#### **3.1.5.1 Pendaftaran adalah dikecualikan kepada mana-mana orang yang membuat:**

**3.1.5.1.1 penyediaan logam tar iaitu proses memecahkan dan menghancurkan batu besar;**

3.1.5.1.2 penapisan tar iaitu proses menapis dan mengasingkan batu mengikut saiz sebagai contoh debu halus, 10mm, 14mm dan 40mm; dan

3.1.5.1.3 penyediaan campuran bitumen dan logam panas.

- Batu yang telah diasingkan dimasukkan ke dalam *drum plant* untuk dikeringkan dan dipanaskan. Seterusnya bitumen akan dimasukkan ke dalam *drum plant* untuk menghasilkan *premix tar*.

3.1.5.2 Pembinaan jalan untuk laluan kenderaan atau manusia yang dibina daripada tar seperti jalan raya, laluan, lorong, landasan dan lain-lain.

**Contoh:**

Nas Quarry Sdn Bhd merupakan pengilang *premix tar*. Syarikat menyediakan logam tar, penapisan tar dan campuran bitumen dan logam panas. Syarikat membekalkan *premix tar* kepada kontraktor Anas untuk pembinaan jalanraya di Banting, Selangor. Oleh itu, Nas Quarry Sdn Bhd **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A.

3.1.6 **Operasi 6** - Pengeluaran salinan dokumen dengan mesin penyalin atau operasi penyalinan yang seumpamanya.

3.1.6.1 Pendaftaran adalah dikecualikan kepada mana-mana orang yang menjalankan aktiviti penyalinan (fotokopi) dokumen yang serupa dengan dokumen atau sumber asal dengan menggunakan mesin penyalin.

**Contoh 1:**

Fizzy Stationery menyediakan perkhidmatan menyalin dokumen dan menjual alat tulis. Fizzy Stationery **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A.

**Contoh 2:**

Selain menyediakan perkhidmatan menyalin dokumen daripada mesin penyalin, Fizzy Stationery juga mencetak kad jemputan kahwin, kalender dan buku termasuk

perkhidmatan rekabentuk grafik. Fizzy Stationery **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana syarikat menjalankan aktiviti mengilang iaitu mencetak kad jemputan kahwin, kalendar dan buku.

**3.1.7 Operasi 7** - Pembungkusan semula barang pukal yang sama ke dalam bungkusan yang lebih kecil.

- 3.1.7.1 Mana-mana orang yang menjalankan aktiviti pecah pukal dan pembungkusan semula barang yang sama daripada bungkusan besar (bulk) kepada bungkusan yang kecil tanpa melibatkan perubahan sifat atau bentuk ke atas barang tersebut adalah dikecualikan daripada pendaftaran.

**Contoh 1:**

Kedai Linda Stationery menjalankan perniagaan menjual alat tulis. Alat tulis diimport secara pukal dari China dan dibungkus semula ke dalam bungkusan kecil sebelum dijual kepada pelanggan. Kedai Linda Stationery **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A.

**Contoh 2:**

Glove Industry Sdn Bhd menjalankan perniagaan sarung tangan. Sarung tangan (barang bercukai) diimport secara pukal dari China dan dijual dalam bungkusan kotak kecil. Pada masa yang sama, syarikat menghasilkan sendiri kotak untuk pembungkusan semula sarung tangan tersebut. Sungguhpun Glove Industry Sdn Bhd menjalankan aktiviti pembungkusan semula yang dikecualikan di bawah butiran ini, syarikat **tidak lagi layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana syarikat juga mengilang barang bercukai iaitu kotak.

**3.1.8 Operasi 8** - Pembaikan barang terpakai atau barang yang telah digunakan

- 3.1.8.1 Pendaftaran adalah dikecualikan kepada mana-mana orang yang menjalankan aktiviti pembaikan barang terpakai atau barang yang telah digunakan dengan

mengembalikan sesuatu barang kepada keadaan atau fungsi asal dengan cara menggantikan atau memulihkan bahagian yang rosak pada barang tersebut.

3.1.8.2 Pebaikan termasuk aktiviti-aktiviti berikut:

- 3.1.8.2.1 Penentukan (Calibrate);
- 3.1.8.2.2 Penyesuaian (Adjustment);
- 3.1.8.2.3 Penyelenggaraan (Maintenance);
- 3.1.8.2.4 Pemulihan semula (Recondition);
- 3.1.8.2.5 Susun semula (Reconfigure); atau
- 3.1.8.2.6 Baik pulih (Overhaul)

**Contoh 1:**

Nia Mobile Services menjalankan perniagaan menjual telefon. Pada masa yang sama syarikat juga menyediakan perkhidmatan membaiki telefon pelanggan. Nia Mobile Services **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A.

**Contoh 2:**

Zus Auto Supply Sdn Bhd menjalankan aktiviti membeli dan menjual produk alternator terpakai. Sebelum menjual alternator terpakai tersebut, Zus Auto Supply Sdn Bhd akan membuat pebaikan dan pembaharuan (refurbished) yang melibatkan aktiviti membuka dan mencurai dengan mengasingkan komponen mengikut jenis. Komponen tersebut kemudiannya dicuci dan digilap. Komponen tersebut dicantumkan semula dan dibungkus sebelum dijual kepada pelanggan. Zus Auto Supply Sdn Bhd **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana syarikat menjalankan aktiviti pembaharuan (refurbished), pembersihan dan juga baik pulih (repair). Jika syarikat hanya menjalankan aktiviti baik pulih sahaja, maka ia **layak** dikecualikan daripada pendaftaran cukai jualan.

3.1.9 **Operasi 9** – Ujian penglihatan, preskripsi kanta yang sesuai dan pemasangan kanta tersebut ke dalam bingkai.

- (i) Operasi ujian penglihatan, preskripsi kanta yang sesuai, pemotongan dan seterusnya pemasangan kanta ke dalam bingkai cermin mata melibatkan aktiviti berikut:
- a) Ujian penglihatan kepada pelanggan dilakukan oleh *optometrist* untuk mengenal pasti:
    - i. darjah pembetulan penglihatan yang sesuai bagi mereka yang rabun; dan
    - ii. kesihatan mata sekiranya mereka menghadapi masalah kesihatan mata seperti silau dan lain-lain.
  - b) Preskripsi kanta dengan darjah penglihatan dan titik fokus yang sesuai dengan pelanggan akan diputuskan selepas ujian penglihatan dibuat.
  - c) Jenis kanta yang telah dikenalpasti akan dipesan dan dibekalkan oleh pihak kilang berdasarkan kepada pesanan yang telah dibuat.
  - d) Pemotongan kanta akan dilakukan di premis untuk dipasang ke dalam bingkai cermin mata yang telah dipilih oleh pelanggan.

**Contoh 1:**

Seprong Enterprise menjalankan ujian penglihatan, preskripsi kanta yang sesuai dan pemasangan kanta tersebut ke dalam bingkai cermin mata mengikut keperluan pelanggannya. Sehubungan itu, syarikat **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A.

**3.1.10 Operasi 10 – Operasi yang berikut apabila dilakukan oleh seseorang selain daripada pengilang berdaftar:**

- (i) memvarnis dan / atau menggilap kepingan perabot yang telah siap;

Pendaftaran adalah dikecualikan kepada mana-mana orang yang hanya menjalankan kerja-kerja memvarnis dan / atau menggilap ke atas perabot yang telah siap yang diterima daripada pengilang lain atau pelanggan. Kerja-

kerja memvarnis sama ada menggunakan berus atau alat semburan untuk memelihara dan mengilatkan perabot kayu dan rotan.

**Contoh 1:**

Syarikat New Enterprise hanya menjalankan kerja-kerja memvarnis dan menggilap perabot yang telah siap yang dihantar oleh pelanggannya. Sehubungan itu, syarikat **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A.

**Contoh 2:**

Syarikat Bright Future Sdn Bhd merupakan pengilang perabot yang menjalankan aktiviti memotong, membentuk dan memasang bahagian perabot menjadi perabot siap. Syarikat juga menjalankan kerja-kerja memvarnis, menggilap dan melakukan kemasan ke atas perabot yang telah siap. Sehubungan itu, syarikat adalah **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana syarikat menjalankan aktiviti merangkumi memotong, membentuk dan memasang bahagian perabot menjadi perabot siap. Syarikat menjalankan lebih daripada satu operasi pengilangan di bawah Jadual A dalam satu rantaian pengilangan.

(ii) pemasangan kaca bahagian atas dan/atau pintu kaca ke perabot selain yang siap.

- (a) Pendaftaran adalah dikecualikan kepada mana-mana orang yang menjalankan aktiviti memasang:
- i. Kaca (*glass top*) ke bahagian atas perabot belum siap; dan/atau
  - ii. pintu kaca pada perabot belum siap.

Jika kaca tersebut tidak dipasang ke atas perabot maka perabot itu tidak menjadi perabot siap.

**Contoh 1:**

Bongbastic Enterprise menjalankan operasi memasang kaca ke atas meja kopi yang diperbuat daripada kayu jati.

Sehubungan itu, syarikat **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A.

**Contoh 2:**

Syarikat Ariffin Sdn. Bhd. terlibat dalam operasi pengilangan perabot. Salah satu produk syarikat adalah meja kopi di mana pembuatannya adalah termasuk pemasangan kaca. Sehubungan itu, syarikat adalah **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana syarikat menjalankan lebih daripada satu (1) operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan.

**Contoh 3:**

Syarikat Rekaan Murni Sdn. Bhd. adalah pengilang almari hiasan yang diperbuat daripada kaca. Sehubungan itu, syarikat adalah **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana produk yang dikilangkan oleh syarikat tidak menepati aktiviti memasang kaca yang dikecualikan di dalam operasi 10.

**3.1.11 Operasi 11 – Pengurangan saiz dan/atau perubahan bentuk tanpa mengubah sifat barang bercukai tersebut.**

- (i) Pendaftaran adalah dikecualikan kepada mana-mana orang yang menjalankan aktiviti:
  - (a) pengurangan saiz barang menjadi lebih kecil; dan/atau
  - (b) perubahan bentuk barang; dengan tidak mengubah sifat barang bercukai tersebut.

**Contoh 1:**

Syarikat Beyond Sdn. Bhd. mengimport gulungan kain untuk dijual dalam pasaran tempatan. Syarikat ini akan memotong gulungan kain ini mengikut ukuran yang ditempah oleh pelanggannya dan dihantar terus kepada pelanggan tersebut. Sehubungan itu, syarikat **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana **hanya**

menjalankan kerja-kerja pengurangan saiz tanpa mengubah sifat kain tersebut.

**Contoh 2:**

Syarikat SS Sdn. Bhd. merupakan pengilang marmar. Syarikat ini membeli potongan besar marmar dan akan **memotong** marmar tersebut mengikut permintaan pelanggan. Marmar yang telah dipotong, digilap dan ditebuk bagi menyediakan ruang untuk diletakkan sinki di bahagian atas meja (table top). Sehubungan itu, syarikat adalah **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana syarikat menjalankan lebih daripada satu (1) operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan.

**3.1.12 Operasi 12** – Pemberian perkhidmatan jahitan secara peribadi tetapi tidak termasuk perkhidmatan jahitan yang disediakan oleh syarikat yang terlibat dalam perniagaan mengilang pakaian dan barang tekstil lain.

- (i) Pendaftaran adalah dikecualikan kepada mana-mana orang yang menjalankan perkhidmatan jahitan secara peribadi (personal tailoring) mengikut kehendak dan spesifikasi individu.
- (ii) Pengecualian daripada pendaftaran adalah tidak termasuk perkhidmatan jahitan oleh pengilang yang menghasilkan pakaian yang sama dalam kuantiti yang banyak mengikut saiz, warna, bahan dan fabrik tertentu.

**Contoh 1:**

Sasha Tailoring memberikan perkhidmatan jahitan secara peribadi (personal tailoring) mengikut kehendak dan spesifikasi pelanggan. Sehubungan itu, Sasha Tailoring **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana syarikat hanya memberikan perkhidmatan jahitan secara peribadi.

**Contoh 2:**

LWY Fashion mengilang pakaian dan tekstil lain dalam kuantiti yang banyak. Pakaian yang dikilang disediakan mengikut saiz yang telah ditetapkan iaitu S, M, L, XL dan XXL. Sehubungan itu, syarikat **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana syarikat tidak memberikan perkhidmatan jahitan secara peribadi.

### **Contoh 3:**

Elang Sdn. Bhd. memberi perkhidmatan jahitan secara peribadi. Selain daripada itu, syarikat juga mengilang pakaian mengikut saiz yang telah ditetapkan iaitu S, M, L, XL dan XXL. Sehubungan itu, syarikat **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana syarikat menjalankan lebih daripada satu (1) operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan.

- 3.1.13 **Operasi 13** – Mencetak, menjahit atau menampal logo, mengait, krusye atau menyulam pada pakaian siap.

Pendaftaran adalah dikecualikan kepada mana-mana orang yang menjalankan aktiviti cetakan, jahitan atau tampilan logo, mengait, krusye atau sulaman pada pakaian siap.

### **Contoh 1:**

AMN Enterprise mencetak logo dan menyulam nama peserta sempena hari keluarga di atas 100 helai t-shirt yang dihantar oleh pelanggan. Sehubungan itu, syarikat **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A.

### **Contoh 2:**

Putra Biz Enterprise mengilang pakaian siap seperti t-shirt. T-shirt tersebut akan dicetak logo seperti yang dipesan oleh pelanggan. Sehubungan itu, syarikat **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana syarikat menjalankan lebih daripada satu (1) operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A iaitu aktiviti mengilang pakaian siap dan mencetak logo ke atas pakaian siap tersebut.

- 3.1.14 **Operasi 14** – Pewarnaan kain yang dibekalkan oleh orang lain tanpa mengubah saiz atau bentuk kain tersebut.

- (i) Pendaftaran adalah dikecualikan kepada mana-mana orang yang menjalankan aktiviti mewarna kain yang diterima daripada pelanggan; dan

- (ii) Aktiviti mewarna kain tersebut tidak mengubah saiz atau bentuk kain.

**Contoh 1:**

Madani Enterprise menjalankan perniagaan mewarna kain menggunakan teknik *tie-dye*. Syarikat ini menerima kain daripada pelanggan, kemudiannya kain tersebut akan diikat dan dicelup ke dalam cecair pewarna bagi mendapatkan warna yang diingini. Kain dengan warna yang unik dan menarik ini akan dipulangkan kepada pelanggan. Sehubungan itu, syarikat **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A iaitu mewarna kain tanpa mengubah saiz dan bentuk kain tersebut.

**Contoh 2:**

Sinar Jernih Enterprise membeli kain daripada pengilang kain. Kain tersebut akan dipotong mengikut ukuran yang dikehendaki dan kemudiannya dicelup ke dalam cecair pewarna (dye) bagi mendapatkan corak yang diingini. Kain dengan warna yang menarik ini akan dijual kepada pelanggan. Sehubungan itu, syarikat **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan lebih daripada satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A iaitu memotong dan mewarna.

- 3.1.15 Operasi 15** – Pengilangan kain batik menggunakan teknik tradisional pencetakan blok secara manual, pencetakan skrin secara manual dan / atau lukisan tangan atau lukisan dan barang daripadanya.

Pendaftaran cukai jualan adalah dikecualikan kepada mana-mana orang yang menjalankan aktiviti:

- (i) pembuatan kain batik melalui teknik tradisional iaitu melibatkan penggunaan cecair lilin dan warna dengan cara berikut:
- (a) menekap blok secara manual;

- (b) mencetak batik menggunakan tangan melalui teknik cetakan skrin;
  - (c) melakar atau melukis menggunakan canting; atau
  - (d) menggunakan teknik ikat dan celup.
- (ii) Penghasilan lukisan dan barang daripada batik yang menggunakan teknik tradisional seperti di para (i).

**Contoh 1:**

Syarikat Impian Batik Enterprise menghasilkan kain batik dengan menggunakan teknik menekap blok secara manual. Dalam proses ini, kain putih akan diwarnakan menggunakan pewarna dan dikeringkan. Seterusnya blok yang mempunyai corak batik akan ditekap di atas kain berwarna tersebut menggunakan cecair yang mempunyai kandungan damar dan lilin. Sehubungan itu, syarikat **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A iaitu mengilang kain batik menggunakan teknik tradisional pencetakan blok secara manual.

**Contoh 2:**

Syarikat Reca Moda Sdn. Bhd. menghasilkan lukisan dan barang kraftangan daripada kain batik yang diperbuat menggunakan teknik traditional sahaja dan dijual kepada pelanggan. Sehubungan itu, syarikat **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A iaitu aktiviti menghasilkan lukisan dan barang kraftangan daripada kain batik yang menggunakan teknik tradisional.

**Contoh 3:**

Industri kain menggunakan mesin untuk cetakan digital bermotif batik **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan aktiviti mengilang kain batik menggunakan mesin.

#### **Contoh 4:**

Syarikat Batik Sari Sdn. Bhd. menghasilkan kain batik dengan melukis menggunakan canting. Dalam proses ini, lakaran corak batik dilukis pada kain menggunakan cecair lilin panas. Kemudian, proses mewarna dilakukan dengan menggunakan berus cat mengikut kesesuaian corak. Seterusnya setelah kain batik dikeringkan, kain tersebut dijahit menjadi baju dan kain sarung mengikut saiz yang ditetapkan. Sehubungan itu, syarikat **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan lebih dari satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A iaitu aktiviti mengilang kain batik menggunakan teknik tradisional dan menjahit pakaian.

**3.1.16 Operasi 16** – Operasi membersih dengan membuang kotoran atau habuk tanpa apa-apa operasi lain.

- (i) Pendaftaran cukai jualan adalah dikecualikan kepada mana-mana orang yang menjalankan aktiviti membuang kotoran atau habuk **sahaja** secara manual atau mekanikal.
- (ii) Contohnya:
  - (a) membersih sarang burung walit daripada bulu, kotoran dan habuk tanpa melibatkan proses pengilangan yang lain.
  - (b) membersih biji benih tanaman dari kotoran.

#### **Contoh 1:**

Blue Bird Enterprise hanya menjalankan aktiviti membersihkan sarang burung walit daripada bulu, kotoran dan habuk untuk dibekalkan kepada syarikat yang menghasilkan produk berdasarkan sarang burung walit. Sehubungan itu, syarikat **layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan hanya satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A iaitu menjalankan operasi membersih dengan membuang bulu, kotoran dan habuk tanpa apa-apa operasi lain.

### **Contoh 2:**

Snowy Sdn. Bhd. menjalankan perniagaan menghasilkan produk minuman berasaskan sarang burung walit. Penghasilan produk tersebut melibatkan proses pembersihan, pencampuran dengan gula batu dan perisa, dan seterusnya dibotolkan untuk dipasarkan. Sehubungan itu, syarikat **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan lebih daripada satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A iaitu membersih dengan membuang kotoran atau habuk tanpa apa-apa operasi lain.

### **Contoh 3:**

Walit Emas Sdn. Bhd. menjalankan perniagaan membekalkan sarang burung walit yang telah dibersihkan. Walit Emas Sdn. Bhd. menghasilkan produk tersebut melalui proses pra pembersihan (*pre-cleaning*) iaitu membuang bulu dan kotoran dari sarang burung walit. Seterusnya sarang burung tersebut melalui proses melembut (*softening*) dan dibersih secara halus (*fine cleaning*). Bagi mengekalkan bentuk sarang burung walit proses membentuk semula (*reshaping* menggunakan *mold*) dilakukan. Proses terakhir adalah pengeringan (*drying*) dan nyahkuman (*heat treatment process*). Sehubungan itu, syarikat **tidak layak** dikecualikan daripada pendaftaran kerana menjalankan lebih daripada satu operasi pengilangan dalam satu rantaian pengilangan di bawah Jadual A iaitu membersih dengan membuang kotoran atau habuk tanpa apa-apa operasi lain.

#### **4. PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGECUALIAN DARIPADA PENDAFTARAN) 2023**

- 4.1 Pendaftaran cukai jualan adalah dikecualikan kepada mana-mana orang yang menjalankan operasi pengilangan produk siap berdasarkan Tenun Pahang Diraja tanpa mengambil kira jumlah nilai jualan barang bercukai.
- 4.2 Tempoh pengecualian daripada pendaftaran adalah bagi tempoh dua (2) tahun berkuat kuasa mulai 3 Mei 2023 sehingga 2 Mei 2025.
- 4.3 Produk siap berdasarkan Tenun Pahang Diraja termasuklah kain sarung, kemeja, kain samping, beg, cenderamata dan lain-lain.